



OVERVIEW PERKHIDMATAN BANTUAN GUAMAN DI MALAYSIA: ISU, CABARAN & WAY FORWARD

Dato' Wan Jeffry bin Kassim
Ketua Pengarah,
Jabatan Bantuan Guaman, Malaysia.

11 April 2023 (Selasa)


9.15 pagi

Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia
(AIAC)

PENGENALAN


1.9.1970

Biro Bantuan Guaman (BBG) ditubuhkan - Ordinan No. 39 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1970.



29.4.1971

Ordinan No. 39 dimansuhkan oleh Akta Bantuan Guaman 1971.



16.1.2010

BBG ditukar kepada Jabatan Bantuan Guaman (JBG).



IBU PEJABAT JBG & CAWANGANNYA

22 CAWANGAN



PUNCA KUASA

Akta Bantuan Guaman 1971 [Akta 26]

Peraturan-Peraturan Bantuan Guaman
(Pengantaraan) 2006

Peraturan-Peraturan Bantuan Guaman (Fi dan
Sumbangan) 2017

Peraturan-Peraturan Bantuan Guaman 2017

Peraturan-Peraturan Bantuan Guaman
(Kriteria dan Ujian Kemampuan) 2017

PERJAWATAN

KUMPULAN PERKHIDMATAN	Jawatan	Isi	Kosong
PENGURUSAN TERTINGGI	3	3	0
PENGURUSAN & PROFESIONAL	82	77	5
KUMPULAN PELAKSANA (19-40)	326	303	23
KUMPULAN PELAKSANA (1-14)	62	59	3
JUMLAH	473	442	31

BIDANG KUASA & FUNGSI JBG

1

Memberikan khidmat nasihat guaman (Jadual Keempat Akta 26).

2

Mewakili atau memberikan bantuan guaman di mahkamah dalam kes:

- Jenayah (Jadual Kedua Akta 26); dan
- Sivil dan Syariah (Jadual Ketiga Akta 26).

3

Memberikan khidmat pengantaraan.

4

Memberikan khidmat pendamping guaman.



KHIDMAT NASIHAT GUAMAN – JADUAL KEEMPAT AKTA 26

DIBERI SECARA LISAN
SAHAJA

SEMUA PERKARA
UNDANG-UNDANG
DI MALAYSIA

APAKAH BANTUAN GUAMAN KES SIVIL & SYARIAH – JADUAL KETIGA AKTA 26

Prosiding kes Sivil

(Kes-kes Kekeluargaan Sivil)

- Tuntutan perceraian/pembatalan perkahwinan orang bukan Islam;
- Tuntutan hak jagaan anak;
- Tuntutan hak penjagaan budak dan kanak-kanak;
- Tuntutan nafkah anak dan isteri;
- Tuntutan harta perkahwinan;
- Penguatkuasaan perintah nafkah anak dan isteri;

(Kes-kes Sivil Pelbagai)

- Tuntutan harta pusaka kecil;
- Hak dan tanggungan di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Akta 400);
- Hak dan tanggungan di bawah Akta Sewa Beli 1967 (Akta 212);
- Hak dan tanggungan berhubungan dengan penyewaan;
- Permohonan Probet dan Surat Mentadbir Pusaka;

- Tuntutan kemalangan jalan raya;
- Permohonan anak angkat;
- Permohonan perintah anggapan kematian;
- Hak dan tanggungan di bawah Akta Penanam Padi (Mengawal Sewa dan Menjamin Pemegangan) 1967 (Akta 528); dan
- Tuntutan pengguna.

Prosiding kes Syariah:

- Tuntutan perceraian orang Islam;
- Tuntutan nafkah;
- Perubahan perintah nafkah;
- Penguatkuasaan perintah nafkah;
- Tuntutan hak jagaan anak;
- Tuntutan harta sepencarian;
- Tuntutan ganti rugi pertunangan;

- Tuntutan hutang perkahwinan;
- Mutaah;
- Prosiding berhubungan dengan Hibah;
- Prosiding berhubungan dengan Wasiat;
- Wali hakim;
- Prosiding penguakuan dan pelaksanaan perintah; dan
- Permohonan anggapan kematian bagi pembubaran perkahwinan.

APAKAH BANTUAN GUAMAN KES JENAYAH – JADUAL KEDUA AKTA 26

(Prosiding Jenayah)

- Rayuan bagi meringankan hukuman yang mana tertuduh ingin mengaku salah kepada pertuduhan;
- Prosiding jenayah terhadap kanak-kanak di Mahkamah Bagi Kanak-Kanak di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611); dan
- Prosiding jenayah di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955 (Akta 336).


KHIDMAT PENGANTARAAN

- Diperuntukkan dalam Bahagian VA Akta 26.

Menjalankan proses pengantaraan (mediasi) bagi tujuan menyelesaikan pertikaian secara damai dan sukarela.

KHIDMAT PENDAMPING GUAMAN

- Diperkenalkan melalui Akta Bantuan Guaman (Pindaan) 2017 yang berkuat kuasa pada 1 Disember 2017.
- Perkhidmatan yang diberikan kepada kanak-kanak mangsa jenayah seksual.



Akta Bantuan Guaman dipinda bantu kanak-kanak mangsa jenayah seksual

BH 21/7/17 @ ms 4.

Kuala Lumpur: Akta Bantuan Guaman akan dipinda bagi membolehkan kanak-kanak yang menjadi mangsa jenayah seksual mendapat akses kepada khidmat ‘pendamping guaman’, selain meminda syarat kelayakan bantuan guaman percuma.

Pindaan akta itu sejajar dengan Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak yang diluluskan Parlimen April lalu, selain Mahkamah Khas Jenayah Seksual Kanak-Kanak yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Acara bersemaaan akan dibentangkan di Parlimen, 24 Julai ini, untuk pindaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azalina Othman Said, berkata pindaan akta bantuan guaman itu akan melihat

beberapa hala tuju baharu, terutama definisi, kategori bantuan guaman selain memperkasakan jabatan bantuan guaman yang meliputi kes sivil dan jenayah.

Katanya, kelayakan bantuan guaman percuma yang sebelum ini merangkumi individu berpendapatan kurang RM25,000 setahun (kategori pertama) dan kurang RM30,000 setahun (kategori kedua) akan diselaraskan mengikuti definisi kelayakan program eKasih (pangkalan data kemiskinan nasional) dan BRIM (Bantuan Rakyat 1Malaysia).

Khidmat nasihat guaman

“Terma baharu *legal companion* (pendamping guaman) diperkenalkan iaitu pegawai undang-undang di jabatan bantuan guaman yang beri khidmat nasihat guaman ke-

pada mangsa dera seksual mengikut akta keganasan seksual kanak-kanak yang diluluskan tahun ini.

“Kami harap *legal companion* ini secara langsung bantu mangsa untuk dapat khidmat nasihat peguam kerajaan, terutama mereka yang jadi mangsa. Bukan sahaja bantuan guaman dalam mahkamah tetapi juga pengenalan proses undang-undang,” katanya selepas majlis makan tengah hari dengan pengarang media cetak dan elektronik di sini, semalam.

Perdana Menteri sebelum ini melancarkan Mahkamah Khas Jenayah Seksual Kanak-Kanak bagi membuktikan keprihatinan kerajaan dalam membanteras penganiayaan seksual terhadap kanak-kanak serta melindungi hak mereka secara holistik.

Statistik Jabatan Kebajikan Ma-

syarakat (JKM) menunjukkan sebanyak 5,779 kes penderaan seksual kanak-kanak direkodkan dari 2010 hingga 2015 dengan purata kes sebanyak 963 kes setahun.

Bantu kurangkan beban

Azalina berkata pindaan kepada akta bantuan guaman itu akan membolehkan kanak-kanak yang menjadi mangsa dera atau ibu bapa kepada mangsa mendapatkan khidmat nasihat bantuan guaman daripada pendamping guaman yang dilantik.

“Sekurang-kurangnya (melalui kewujudan pendamping guaman) akan mengurangkan beban kanak-kanak dan keluarga,” katanya merujuk kepada mangsa atau keluarga tidak mampu mendapat khidmat guaman kerana kekangan kewangan.



Kami harap *legal companion* ini secara langsung bantu mangsa untuk dapat khidmat nasihat peguam kerajaan, terutama mereka yang jadi mangsa”

**Azalina Othman Said,
Menteri di Jabatan
Perdana Menteri**


TUGAS PENDAMPING GUAMAN

Mendampingi dan dengan kebenaran mahkamah, bercakap bagi pihak kanak-kanak dalam prosiding mahkamah;

Menasihati penjaga/pelindung mengenai perkara undang-undang;

Menasihat penjaga/pelindung mengenai tindakan sivil yang boleh diambil

Mendapatkan maklumat pertuduhan;



Bagaimana sekiranya kes yang dirujuk di luar daripada prosiding yang disenaraikan dalam Jadual Kedua dan Ketiga Akta 26?

- Kelulusan YB Menteri hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum khidmat bantuan guaman boleh diberikan kepada pemohon sama ada diwakili oleh pegawai JBG atau dikendalikan oleh peguam panel yang dilantik oleh JBG.
- Kelulusan YB Menteri juga perlu diperolehi sekiranya sumber kewangan pemohon melebihi had kelayakan yang ditetapkan.

Apakah syarat-syarat kelayakan untuk mendapatkan bantuan guaman daripada JBG?

Warganegara Malaysia;

Memenuhi kriteria yang ditetapkan (bidang kuasa & merit
kes); dan

Lulus ujian kemampuan.

UJIAN KEMAMPUAN

- Sumber kewangan tahunan pemohon **tidak melebihi RM30,000 (bantuan penuh)**.
- Mengambil kira **Jumlah pendapatan tahunan** pemohon seperti gaji, elaun, pencen, sewa/pajakan rumah/tanah, bonus, faedah, dividen atau keuntungan daripada simpanan, pelaburan, perniagaan dan **ditolak dengan tanggungan** yang berikut:
 - Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP);
 - Caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO);
 - Caruman Cukai Pendapatan LHDN;

- Potongan Zakat Pendapatan;
- Caruman wajib kepada Tabung Angkatan Tentera;
- Pinjaman Perumahan Pertama @ Sewa rumah (Tolakan sebanyak RM 1,800 sahaja);
- Perbelanjaan isi rumah (Diri sendiri - tolakan sebanyak RM1000 sahaja); dan
- Anak (sama ada anak kandung dan anak angkat berumur kurang 18 tahun yang belum berkahwin dan tidak bekerja) - tolakan RM500 bagi setiap anak dan maksimum tolakan RM2,500 sahaja.

Bagaimakah sekiranya sumber kewangan Pemohon melebihi RM30,000 setahun?

- Pemohon yang mempunyai sumber kewangan tahunan di antara RM30,000 sehingga RM50,000 dikehendaki membayar sedikit sumbangan – bantuan separa.
- Sumbangan tersebut akan dimasukkan dalam **Akaun Amanah Bantuan Guaman JBG** untuk membantu pemohon-pemohon lain yang tidak berkemampuan.
- Baki sumbangan akan dikembalikan kepada pemohon setelah ditolak kos pengendalian kes.

PROGRAM KLINIK GUAMAN DAN KESEDARAN MASYARAKAT

Memandangkan Cawangan-Cawangan JBG kebanyakannya berada di Ibu Negeri sahaja, JBG melalui 22 cawangannya di seluruh Malaysia giat melaksanakan Program Klinik Guaman dan Kesedaran Masyarakat secara berkala. Kategori program yang telah dilaksanakan adalah meliputi:

- Program Klinik Guaman;
- Program Klinik Guaman di penjara dan pusat tahanan kanak-kanak;
- Program ceramah dan literasi undang-undang; dan
- Program hebahan media massa dan media sosial.



Penyedia Khidmat Bantuan Guaman Lain Di Malaysia



Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK)

YBGK ditubuhkan oleh Kerajaan pada 2010 untuk menyediakan khidmat bantuan guaman bagi kes jenayah.

YBGK diperbadankan sebagai sebuah syarikat khairat (*charitable company*) di bawah Akta Syarikat 1965 (Akta 125) dan telah mendapat dana pelancaran oleh Kerajaan sebanyak RM5 juta.

Namun begitu sehingga kini YBGK masih lagi bergantung pada pihak Kerajaan untuk membiayai kos penyediaan bantuan guamannya.

Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP)

Sejak tahun 1946, mahkamah melalui PKPMP telah menyediakan peguam bagi OKT yang tidak diwakili oleh peguam dalam kes hukuman mati.

Dari tahun 2018 hingga 2022, seramai 2071 peguam lantikan mahkamah telah dilantik melibatkan kos sebanyak RM8,048,774.35.

- Pusat Bantuan Guaman di Negeri-Negeri (Legal Aid Centre) di bawah kelolaan Majlis Peguam Malaysia;
 - Bantuan guaman diberikan oleh para peguam secara sukarela yang berkerja di firma-firma guaman swasta di seluruh negara.
- Kerajaan Negeri dengan kerjasama Majlis Peguam Negeri atau Persatuan Peguam Syarie. Contoh Kerajaan Negeri Selangor telah melancarkan Dana Bantuan Guaman Selangor dengan kerjasama Majlis Peguam Selangor bagi memberi bantuan guaman bagi kes sivil.

- Majlis Agama Islam Negeri/Lembaga Zakat Negeri - memberikan khidmat bantuan guaman syarie khususnya kepada golongan asnaf, fakir miskin dan mualaf sama ada secara sendiri seperti Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) atau dengan kerjasama Persatuan Peguam Muslim Malaysia (PPMM) dan Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM).

- Institusi-Institusi Pengajian Tinggi tempatan juga turut menyediakan khidmat nasihat guaman seperti Universiti Malaysia – Klinik Bantuan Guaman Universiti Malaya (KBGUM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia - Klinik Bantuan Guaman Kulliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Utara Malaysia (UUM) - Pusat Bantuan Guaman (PBG), Universiti Kebangsaan Malaysia - Klinik Bantuan Guaman UKM.



ISU, CABARAN & *WAY FORWARD*

ISU & CABARAN	WAY FORWARD
Had kelayakan yang terbatas	<p>Peningkatan had kelayakan</p> <p>Had kelayakan bagi bantuan guaman penuh dinaikkan daripada RM 30,000 ke RM 50,000 setahun.</p> <p>(Diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa pembentangan belanjawan negara tahun 2023 pada 24 Februari 2023)</p>

ISU & CABARAN	WAY FORWARD
Kekangan Sumber Manusia Dan Peruntukan Kewangan Jabatan	<p>Peningkatan had kelayakan dan peluasan bidang kuasa dijangka akan meningkatkan lagi jumlah pemohon dan bantuan guaman yang diberikan kepada masyarakat.</p> <p>Bagi mengatasi masalah kekurangan perjawatan, lebih banyak kes akan ditugaskan kepada Peguam Panel untuk dikendalikan.</p> <p>Mohon suatu peruntukan yang mencukupi bagi sebarang penambahan pemohon dan penugasan kes kepada peguam panel JBG.</p>

ISU & CABARAN	WAY FORWARD
Kerjasama Stategik Dengan Peguam-Peguam Syariah Dan Sivil	<p>Antara halangan dan kekangan dalam memberikan bantuan guaman kepada golongan yang tidak berkemampuan - kekangan dari segi kewangan khususnya perlu menanggung bayaran dan fi pemfailan kertas kausa di mahkamah.</p> <p>Sedang memuktamadkan cadangan mewujudkan Program Rujukan Peguam Panel – tertakluk kepada kriteria kelayakan pemohon, membolehkan pemohon tersebut diwakili oleh peguam yang merujuk pemohon kepada JBG.</p>

ISU & CABARAN	WAY FORWARD
Meningkatkan Kesedaran Undang-Undang dan Akses Kepada Perkhidmatan Bantuan Guaman	<p>Masih ramai rakyat yang tidak mengetahui atau mendapat perkhidmatan yang diberikan sama ada kurang pendedahan/pengetahuan mengenai perkhidmatan yang ditawarkan atau disebabkan kedudukan lokasi pejabat JBG yang hanya berada di ibu negri sahaja.</p> <p><u>Cadangan</u></p> <ul style="list-style-type: none">• Memantapkan lagi program hebahan melalui media massa dan media sosial khususnya melalui saluran utama Radio/TV berbayar - memerlukan bajet tambahan.

- Cadangan pembukaan **3 Cawangan baru** di daerah Tawau dan Sandakan, Sabah dan Sri Aman, Sarawak bagi memudahkan masyarakat mendapat akses kepada perkhidmatan JBG di Sabah dan Sarawak.
- Telah memohon 3 buah kenderaan untuk dijadikan **klinik guaman bergerak** yang akan ditempat di JBG Sabah, JBG Sarawak dan Ibu Pejabat.
- Meningkatkan lagi kerjasama strategik bersama agensi kerajaan berkepentingan.

ISU & CABARAN	WAY FORWARD
Bidang kuasa jenayah terhad kepada Jadual Kedua Akta 26	<p>Tiada keperluan meminda Jadual Kedua Akta 26 bagi meluaskan bidang kuasa jenayah.</p> <p>YBGK yang merupakan sebuah syarikat dan bukan suatu jabatan Kerajaan menyukarkan penyaluran dana setiap tahun dalam jumlah yang agak besar daripada Kerajaan.</p> <p><u>Cadangan</u> beberapa options boleh dipertimbangkan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">a) Menubuhkan suatu Jabatan yang baru yang dikenali sebagai Pejabat Peguam Bela/Pembelaan Awam (<i>Public Defence Office</i>); ataua) Mewujudkan Bahagian baru di JBG yang dikenali sebagai Bahagian Pejabat Pembelaan Awam bagi melaksanakan bantuan guaman bagi kes-kes jenayah dan seterusnya mengambil alih fungsi YBGK.

Faedah Daripada Penyusunan Semula Perkhidmatan Bantuan Guaman Melalui Pengambilalihan Fungsi YBGK Oleh JBG:

- Menggunakan sumber kewangan dan tenaga kerja sedia ada secara optimum;
- Menggunakan pejabat JBG dan Cawangan JBG sedia ada dan tiada keperluan menyediakan pejabat-pejabat baru;
- Memperkemaskan mekanisma pengurusan perkhidmatan bantuan guaman negara secara holistik;
- Mengelakkan kekeliruan di kalangan masyarakat mengenai fungsi JBG & YBGK; dan
- Proses permohonan peruntukan tahunan akan menjadi lebih teratur.

PENUTUP

- Kewujudan pelbagai skim bantuan guaman yang ditawarkan dalam pasaran memberikan kelebihan kepada masyarakat dan amat dialukan kerana satu pihak sahaja seperti Kerajaan tidak mampu melaksanakannya bersendirian.
- Bantuan guaman merupakan batu asas (*cornerstone*) bagi prinsip akses kepada keadilan dalam mana-mana sistem perundangan.
- Setiap pihak yang melaksanakan khidmat bantuan guaman sewajarnya saling melengkapi dan tidak dilihat bersaing antara satu sama lain.



Terima Kasih